

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 8 OKTOBER 2016 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Pelajar aliran sains luar bandar dijangka meningkat 20 peratus pada 2020	BERNAMA
2.	SIRIM terus main peranan penting	Utusan Malaysia
3.	Keterlibatan SIRIM – Industri	Utusan Malaysia
4.	Kuasai ilmu pemasaran internet secara percuma	Utusan Malaysia

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 8 OKTOBER 2016 (SABTU)



Pelajar Aliran Sains Luar Bandar Dijangka Meningkat 20 Peratus Pada 2020

MARANG, 8 Okt (Bernama) -- **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** yakin sasaran supaya pelajar aliran sains di luar bandar meningkat kepada 60 peratus berbanding 40 peratus sekarang, dapat direalisasikan menjelang 2020.

Timbalan Menteri berkenaan Datuk Dr Abu Bakar Mohamed Diah berkata bagi mencapai matlamat itu, MOSTI mengadakan pelbagai program dan menjalankan kerjasama dengan pihak lain termasuk Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pengajian Tinggi.

Beliau berkata antaranya program turun padang ke kampung-kampung di pedalaman seluruh negara bagi memberi pendedahan kepada pelajar untuk memupuk minat mereka terhadap sains.

"Hari ini, satu lagi program MOSTI iaitu Kimia ke Desa diadakan di Kampung Alor Limbat di sini, yang disertai lebih 5,000 pengunjung di sekitar daerah Marang.

"Selain bertujuan memupuk minat pelajar terhadap sains, ia juga mampu menukar pandangan orang ramai bahawa 'sains itu mudah' dan 'sains itu adalah sebahagian dari kehidupan,' katanya kepada pemberita selepas merasmikan program itu di sini.

Sempena programm itu, pelbagai aktiviti diadakan termasuk pameran interaktif berkaitan fungsi dan peranan Jabatan Kimia Malaysia, pertandingan siasatan jenayah, wacana ilmu, Ikon Kimia dan sukan ekar yang melibatkan penduduk setempat.

Mengulas lanjut, Abu Bakar berkata sejak dilancarkan pada 2013, sebanyak empat destinasi dipilih sebagai lokasi penganjuran program Kimia ke Desa di seluruh negara.

"Kami juga bekerjasama erat dengan Kementerian Pendidikan untuk memenuhi undangan di sekolah-sekolah yang berminat memperkasa budaya sains dalam kalangan pelajar mereka.

"Impak program ini diharap mampu mencapai matlamat yang ditetapkan kerajaan sekali gus mencapai status negara maju dengan rakyat menjadi celik sains dan dapat mengaplikasinya dalam kehidupan seharian," katanya.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (UTUSAN BIZ) : MUKA SURAT 17
TARIKH : 8 OKTOBER 2016 (SABTU)

SIRIM terus main peranan penting

Oleh MD. AZRIN ROSLY

ekonomi@utusan.com.my

■ KUCHING 7 OKT.

SIRIM Berhad terus mengukuhkan kedudukan sebagai penyedia penyelesaian menyeluruh dalam kualiti dan inovasi teknologi di negara.

Organisasi kualiti dan teknologi perindustrian yang merupakan agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi tersebut telah mengintegrasikan pelbagai perkhidmatan mereka di bawah satu bumbung menggabungkan keparakan dalam teknologi inovasi dan berorientasi-perniagaan untuk meningkatkan keefisienan perniagaan.

Menurut Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulannya, Datuk Dr. Zainal Abidin Mohd. Yusof, pihaknya mempunyai enam anak syarikat yang kukuh dengan aktiviti-aktiviti telah diselaraskan melalui inisiatif sokongan yang lebih baik.

Katanya, ia bagi meningkatkan inovasi, kajian dan penyelidikan



(R&D) dan pengkomersialan di kalangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Dengan program transformasi lima tahun SIRIM sejak 2013 dan penstrukturran baru-baru ini, SIRIM kini terdiri daripada Penyelidikan Perindustrian SIRIM, Pusat Reka Bentuk Pembungkusan dan Keselamatan dan anak syarikat baharu, SIRIM Standards Technology Sdn. Bhd., SIRIM Measurements Technology Sdn. Bhd. serta SIRIM Tech Venture Sdn. Bhd.

“Sebagai tambahan, kita juga memperkuatkannya subsidiari sedia ada seperti SIRIM QAS International Sdn. Bhd., SIRIM STS Sdn. Bhd. dan National Precision Tooling Sdn. Bhd. bagi menyediakan penyelesaian lebih baik di samping relevan dengan pasaran terkini,” katanya.

Beliau berkata demikian pada program Keterlibatan SIRIM-Industri yang dirasmikan Menteri Muda Pembangunan Perindustrian (Pelaburan dan Promosi) negeri (MIETI), Datuk Julaihi Nara-



JULAIHI NARAWI (tengah) diiringi Zainal Abidin Mohd. Yusof (kiri) tertarik dengan barang perlisian yang dipamerkan sempena Program Keterlibatan SIRIM-Industri di Kuching, kelmarin. - UTUSAN/MOHAMAD GUSTIE NOORAMBIA

wi di sini semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, SIRIM juga mewujudkan kerjasama korporat dengan Institut Fraunhofer di Jerman, organisasi penyelidikan berorientasikan aplikasi terbesar di Eropah bagi mengaplikasikan penyelidikan gunaan untuk pembangunan PKS.

“Kerjasama strategik bersama Fraunhofer turut meliputi Program Audit Teknologi yang membantu PKS memahami kelebihan dan kelemahan secara individu termasuk potensi-potensi yang ada bagi penambahbaikan.

“Hasil audit itu nanti akan membantu PKS merancang pelan tindakan bagi memperkasakan

produktiviti, menambah baik keupayaan pengurusan teknologi dan menaikkan rantaian nilai,” jelasnya.

Beliau berkata, ia sudah tentu memberi manfaat kepada syarikat-syarikat untuk menjadi lebih kompetitif, inovasi dan produktif.

“Audit Teknologi menjurus kepada enam komponen utama seperti produktiviti, trend dalam proses dan kaedah, teknologi pengurusan, pekerja, organisasi atau rangkaian serta strategi teknologi.

Menurutnya, model dari Institusi Fraunhofer itu merupakan antara proses inovasi paling berjaya di dunia yang dicontohi banyak negara.

“Menerusi Model Inovasi Perindustrian SIRIM, kita cuba mengadaptasi model Fraunhofer untuk membantu PKS dengan kerjasama semua pihak berkepentingan seperti SME Corporation dan kementerian atau agensi di negeri-negeri.

“Ketika ini, sebanyak 280 syarikat termasuk 10 dari Sarawak telah menyertai audit teknologi berkenaan sejak tahun lalu,” ujarnya.

KERATAN AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA (UTUSAN BIZ) : MUKA SURAT 17

TARIKH : 8 OKTOBER 2016 (SABTU)



PESERTA Program Keterlibatan SIRIM-Industri mengikuti sesi pembentangan di Kuching, kelmarin.

Keterlibatan SIRIM-Industri

KUCHING 7 Okt. - Lebih 150 usahawan tempatan, persatuan industri dan agensi kerajaan mengikuti Program Keterlibatan SIRIM-Industri di negeri ini yang menawarkan pelbagai aplikasi dan perkhidmatan teknologi dalam usaha meningkatkan produktiviti industri dan usahawan.

Menurut Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan SIRIM Berhad, Datuk Dr. Zainal Abidin Mohd. Yusof, program bertemakan 'Mengekalkan Perniagaan Anda Dalam Pasaran Mencabar' antaranya menekankan kepentingan sistem pengurusan kualiti, reka bentuk pembungkusan dan keselamatan, pengukuran dan perkhidmatan tentukuran.

Program itu merupakan usa-

hasama SIRIM dengan Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan, Perdagangan dan Pelaburan Sarawak (MITEISarawak), SME Corporation, Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM) dan Persatuan Pekilang-pekilang Sarawak (SMA).

Mengulas lanjut, beliau berkata, program itu juga diharap dapat membentuk pembangunan bagi perniagaan mikro agar menjadi sebuah perniagaan multinasional.

"Kami berharap program ini menjadi platform untuk anda lebih mengetahui mengenai kepakaran SIRIM, keupayaan, teknologi dan perkhidmatan yang membantu menyediakan penam-

bah baikan yang bernilai kepada produktiviti," ujarnya.

Selain daripada sesi rangkaian kerjasama itu, peserta juga diperkenalkan dengan Model Inovasi Perindustrian SIRIM dan program Audit Teknologi yang merupakan kerjasama antara SIRIM dan Institut Fraunhofer, Jerman dengan sokongan kerajaan Malaysia.

Program Audit Teknologi itu akan membantu PKS menjadi lebih berdaya saing, inovatif dan produktif bagi membolehkan produk mereka lebih mudah didapati dan diterima di pasaran antarabangsa.

Menurutnya, pihaknya diberi mandat oleh kerajaan dalam meningkatkan penetrasi teknologi dan naik taraf perniagaan.

REAKSI

Peserta sambut baik Program Keterlibatan SIRIM-Industri

FLORENCE KIM SUJANG,
Usahawan PKS

DALAM pasaran mencabar hari ini, produk-produk yang dihasilkan mesti ditambah baik dan kita sebagai usahawan perlu meningkatkan perkhidmatan. SIRIM sememangnya menyediakan program yang dapat memberikan manfaat kepada usahawan. Saya sendiri telah mengikuti latihan badan ini bermula 1983 lagi."

CHE CHA ZAINUDDIN,
Usahawan PKS

BANYAK program-program SIRIM dilihat boleh dimanfaatkan usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) seperti kami ini. Program berkenaan dapat meningkatkan kualiti produk-produk dihasilkan malah menekankan kepentingan teknologi yang dapat membantu meningkatkan produktiviti."

DAYANG NORAINI AWANG SANIF,
Usahawan PKS

PROGRAM Keterlibatan SIRIM-Industri ini memberi banyak maklumat-maklumat mengenai perkhidmatan disediakan yang memberi kebaikan kepada usahawan dan PKS. "SIRIM bukan hanya dapat membantu menambah baik produk dihasilkan malah agar dapat satu masa nanti boleh dieksport ke luar."

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 16
TARIKH : 8 OKTOBER 2016 (SABTU)

Kuasai ilmu pemasaran internet secara percuma

SEBAGAI pengguna bila kali terakhir anda menggunakan enjin carian google untuk mencari maklumat atau lokasi tentang sesbuah syarikat?

Apakah pengalaman yang anda lalui? Adakah anda menemui apa yang dicari pada senarai pautan teratas atau keliru dengan pautan-pautan yang ada atau langsung tidak menemuinya?

Sebagai pengguna, bukankah lebih baik sekiranya carian yang dilakukan berakhir dengan menemui maklumat seperti alamat, nombor telefon, laman sesawang dan peta yang memudahkan kita ke lokasi.

Kemudahan yang dinamakan *Google My Business* itu mungkin kedengaran terlalu canggih dan seperti memerlukan belanja yang besar, tetapi tahukah anda bahawa ia boleh diperoleh secara percuma menerusi Google.

Oleh kerana kurangnya pendedahan dan masih ramai golongan peniaga dan usahawan di negara ini yang bergantung pada kaedah perniagaan konvensional, tidak ramai yang memanfaatkan kemudahan itu sepuhunya.

Pengarah Eksekutif SME Cloud, Ikram Adi Ahmad Tajuddin berkata, *Google My Business* yang disediakan sebagai platform penyenaraian perniagaan merupakan ‘senjata penting’ dalam dunia perniagaan yang tidak seharusnya diabaikan.

“Walaupun percuma ia sebenarnya cukup berkesan untuk memperkenalkan perniagaan kita kepada pengguna.

“Ia juga adalah alat pemasaran internet yang ‘wajib ada’ sebelum seseorang peniaga atau usahawan memberi keutamaan kepada platform lain seperti laman sesawang atau laman sosial,” katanya ketika ditemui di pejabatnya di Taman Teknologi Malaysia (TPM).

Antara fungsi yang boleh dimanfaatkan usahawan daripada aplikasi itu adalah penyenaraian identiti syarikat pada posisi teratas dalam enjin carian Google, memasukkan peta, gambar dan nombor telefon.

Lebih istimewa katanya, *Google My Business* membantu membina imej syarikat di mata pelanggan melalui persembahan yang boleh disesuaikan mengikut kehendak usahawan.

Ikram Adi berkata, dalam usaha meningkatkan kesedaran umum, SME Cloud sejak beberapa tahun lalu telah membantu kira-kira 1,000 peniaga di negara ini membangunkan ‘akaun’ *Google My Business*



IKRAM ADI AHMAD TAJUDDIN

secara percuma melalui tinjauan di sekitar Lembah Klang.

“Bantuan dan latihan untuk membina dan mengemas kini fungsi ini disediakan secara percuma sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial syarikat kami.

“Tahun depan kami menyasarkan untuk memberikan perkhidmatan yang sama kepada lebih 5,000 peniaga di seluruh negara,” katanya.

Beliau berkata, penggunaan teknologi internet dan telekomunikasi yang berkembang pesat pada masa kini bukan hanya memberi manfaat dan kemudahan bahkan mengubah gaya hidup manusia dalam pelbagai aspek kehidupan sehari-hari.

Justeru itu katanya, kaedah pemasaran internet dalam dunia perniagaan hari ini tidak boleh diabaikan sebaliknya memerlukan perubahan drastik khususnya untuk menguasai jaringan sosial secara lebih meluas.

Pada masa yang sama ujarnya, syarikat yang diterajui bersama Firdaus Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif SME Cloud sejak tahun 2013 itu turut menawarkan perkhidmatan membina aplikasi mobil, laman sesawang dan menganjurkan latihan.

“Kami menawarkan pakej pembinaan aplikasi mobil yang lengkap kepada peniaga kecil dan sederhana bagi membolehkan mereka meningkatkan potensi perniagaan,” katanya.

Jelas beliau, antara kelebihan aplikasi mobil adalah sebagai platform perniagaan yang lebih eksklusif di atas talian, meningkatkan komunikasi dengan pelanggan me-

lalui fungsi notifikasi tekan dan mencapai kumpulan sasaran secara lebih murah dan berkesan.

Setakat ini, syarikat yang berstatus *Multimedia Super Corridor* (MSC) itu telah membangunkan kira-kira 600 aplikasi mobil kepada usahawan tempatan dan menjakkan jumlah itu meningkat kepada 1,000 pada tahun depan.

Berbekalkan pengalaman yang ditimba dan suntikan modal daripada Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Ikram Adi yakin dapat mencapai sasaran syarikat pada masa akan datang.

“Bermula dengan modal tambahan sebanyak RM80,000 yang diterima daripada PUNB, syarikat kami semakin berkembang,” katanya.

Ikram Adi berkata, sebahagian daripada pelanggan syarikatnya termasuk PUNB, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Yayasan Usahawan Baru (myNEF), Majlis Perbandaran Sepang, Taman Teknologi Malaysia dan MOSTI.



info

**SME CLOUD
SDN BHD**

Alamat : 2-8, Innovation

House,
Technology Park Malaysia,
57000, Bukit Jalil,
Kuala Lumpur.

Telefon : 03 8998 8000

Laman sesawang: [www.smecloud.my](http://smecloud.my)

Emel: admin@smecloud.my